

**Nota Penyelidikan/Research Note**

**Sikap Terhadap Cukai dari Perspektif Gender  
Gender Differences of Attitudes Towards Taxation**

NORSIAH AHMAD

ABSTRAK

*Nota penyelidikan ini cuba meninjau perbezaan sikap individu terhadap cukai di antara gender. Dalam kebanyakan kajian berkenaan sikap, isu gender telah menjadi satu subjek yang penting disebabkan perbezaan-perbezaan yang dianggap terlahir olehnya. Perbezaan gender juga dipercayai mempengaruhi perlakuan etika di mana kebanyakan hasil kajian lepas mendapati wanita lebih beretika dalam pembuatan keputusan berbanding lelaki. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini mendapati tidak terdapat perbezaan dari perspektif gender berkaitan sikap terhadap cukai berdasarkan tiga konstruk sikap yang diuji. Hasil kajian ini menggambarkan tiada perbezaan sikap terhadap isu-isu cukai di antara lelaki dan wanita. Maka, faktor perbezaan gender boleh diabaikan dalam konteks perancangan cukai oleh negara.*

ABSTRACT

*This research note attempts to look into gender differences of attitudes towards taxation. Many research on attitudes focus on gender issues as an important subject due to its perceived differences. Gender differences are believed to influence ethical behavior as many researchers find that women are more ethical than men in decision-making. However, the finding of this research shows that there is no difference in terms of gender in attitudes towards taxation based on three tested attitudes constructs. The result shows that there are no attitude differences between male and female on the tax issues, therefore gender differences factor can be ignored in the context of tax planning by the state.*

PENGENALAN

Dalam kebanyakan kajian berkenaan sikap, isu gender telah menjadi satu subjek yang penting disebabkan oleh perbezaan-perbezaan yang terlahir olehnya. Isu gender juga perlu diberikan perhatian dalam mengkaji gelagat pematuhan cukai di kalangan pembayar cukai. Kajian yang telah dibuat di negara-negara luar mendapati perbezaan antara gender dari segi sikap terhadap cukai. Para pengkaji

seperti Jackson dan Milliron (1986) dan Glover et al., (2002) mendapati perbezaan antara gender yang nyata dengan kaum lelaki lebih berkecenderungan untuk menjadi pembayar cukai yang tidak patuh berbanding perempuan. Apabila sesuatu isu yang perlukan kepada pembuatan keputusan jatuh ke dalam kategori yang agak kabur (*grey area*), didapati golongan lelaki kurang berkecenderungan untuk membuat pilihan yang beretika. Memandangkan kajian tentang perhubungan pematuhan cukai dengan gender agak terhad di Malaysia, kajian ini cuba untuk menguji adakah wujud perbezaan antara gender dari segi sikap terhadap cukai di Malaysia. Nota ini terbahagi kepada lima bahagian iaitu sistem percukaian dan pematuhan, objektif dan kepentingan kajian, pendekatan kajian, hasil kajian dan perbincangan, serta rumusan kajian.

## SISTEM PERCUKAIAN DAN PEMATUHAN

Sistem percukaian di Malaysia adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan. Sistem ini dikendalikan oleh dua jabatan, iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri yang bertanggungjawab menguatkuasakan cukai langsung, dan Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja yang pula bertanggungjawab menguatkuasakan cukai tidak langsung. Cukai langsung yang mewakili hampir 50 peratus daripada jumlah hasil negara terdiri daripada cukai pendapatan, cukai keuntungan hartanah, cukai pemindahan saham, cukai pendapatan petroleum, duti setem dan cukai ke atas aktiviti perniagaan persisiran di Labuan. Cukai tidak langsung, juga dikenali sebagai cukai penggunaan, merupakan cukai yang dikutip melalui orang ketiga seperti cukai perkhidmatan yang dibayar kepada pemberi khidmat yang kemudiannya menyerahkannya kepada pihak yang berkuasa.

Terdapat beberapa kaedah yang digunakan oleh pihak berkuasa untuk memungut cukai daripada pembayar cukai. Salah satu kaedah ialah dengan menggunakan cukai pegangan di mana jumlah yang dibayar kepada seseorang individu telah diambil bahagian cukainya oleh pembayar yang kemudiannya akan menyerahkannya kepada pihak berkuasa. Penggunaan cukai pegangan boleh memastikan kutipan cukai dan pematuhan bagi pihak pembayar cukai. Namun, jenis aktiviti yang boleh menggunakan cukai pegangan adalah terhad kepada apa yang telah dibenarkan oleh Akta tertentu. Kaedah lain yang boleh digunakan ialah yang dikenali sebagai *pay-as-you-earn* (PAYE). Mengikut kaedah ini, pembayaran upah atau gaji individu hanya dibuat selepas ditolak jumlah cukai yang ditanggungnya. Oleh itu, individu itu hanya menerima gaji bersih selepas dipotong cukai.

Pekerja di Malaysia, terutamanya yang terdapat dalam sektor awam, juga tertakluk kepada kaedah PAYE melalui sistem potongan cukai berjadual. Sejumlah cukai yang dikira berdasarkan jadual yang telah ditetapkan ditolak terlebih dahulu dari gaji atau upah yang dibayar. Namun begitu, jumlah cukai yang dipotong bukan jumlah tanggungan cukai yang sebenar kerana potongan itu dibuat

berdasarkan anggaran sahaja. Isu pematuhan cukai timbul apabila pembayar cukai berkenaan perlu memfailkan borang cukai pendapatannya, mengira semula jumlah sebenar tanggungan cukainya dan membayar perbezaan antara cukai sebenarnya dengan cukai yang telah dibayar.

Dalam sistem percukaian Malaysia, pematuhan cukai menyentuh beberapa aspek di antaranya; penyimpanan rekod-rekod, pemahaman berkenaan perbelanjaan yang dibenarkan serta pendapatan yang dikenakan cukai, mengisi atau memfailkan borang cukai, dan membayar cukai. Apabila sistem taksir sendiri dilaksanakan sepenuhnya mulai tahun 2004, pembayar cukai dikehendaki mengurus sendiri cukai mereka. Sistem taksir sendiri ini menuntut komitmen yang tinggi kerana setiap individu perlu memahami undang-undang cukai bagi membolehkan mereka mengisi dan mengira sendiri tanggungan cukai mereka. Sistem ini juga menuntut pematuhan cukai secara sukarela. Namun, tanpa pemahaman dan sikap yang positif berkaitan sistem percukaian, maka pematuhan akan menjadi sukar.

Berdasarkan kajian lepas, tanggapan boleh dibuat bahawa individu yang mempunyai sikap yang positif terhadap cukai, biasanya percaya kepada kesaksamaan sistem cukai serta keadilan dalam perlakuan pentadbir cukai dan patuh kepada undang-undang cukai (Norsiah 2002). Sikap positif warganegara terhadap sistem percukaian negara amat penting bagi membolehkan individu bersama-sama berasa bertanggungjawab terhadap pembangunan negara yang wujud hasil dari sumbangan setiap warga. Beberapa kajian lain turut membuktikan perbezaan sikap ini juga merupakan satu faktor penting dalam meramalkan perlakuan salah laku cukai (Fallan 1999; Mustafa 1998; Eriksen & Fallan 1996; Jackson & Milliron 1986).

Namun begitu, kerumitan sistem percukaian juga menyukarkan pematuhan kepada sistem itu. Kerumitan atau kompleksiti yang terdapat dalam sistem percukaian itu adalah disebabkan pelbagai faktor. Di antaranya ialah terlalu banyak undang-undang yang perlu dipatuhi, penggunaan bahasa yang mengurangkan kebolehbacaan dan kebolehfahaman, istilah-istilah yang kurang jelas, borang yang pelbagai serta pertembungan sistem percukaian antarabangsa yang melibatkan beberapa sistem percukaian negara-negara asing. Kerumitan dalam sistem cukai ini membentuk situasi atau keadaan kurang jelas (*grey areas*) di mana penggunaannya, iaitu pembayar cukai boleh bertindak secara agresif bagi memilih keadaan yang mungkin tidak sah di sisi undang-undang ataupun sebaliknya. Menurut Glover et al. (2002), apabila sesuatu isu berada dalam kategori ini, kaum lelaki didapati kurang berkecenderungan untuk membuat pilihan yang beretika. Pada masa yang sama, terdapat juga pembayar cukai yang terpaksa mendapatkan khidmat nasihat agen-agen cukai yang profesional bagi memastikan mereka mematuhi undang-undang di samping dapat memaksimumkan semua peluang yang wujud dalam sistem tersebut.

## OBJEKTIF KAJIAN

Pada hari ini semakin ramai kaum wanita menjadi penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Keadaan di Malaysia juga demikian. Jadual 1 menunjukkan bilangan tenaga kerja di Malaysia mengikut gender. Dalam tahun 1998 terdapat seramai 66.5 peratus tenaga kerja lelaki berbanding dengan 33.5 peratus tenaga kerja wanita. Dalam tahun 2002 pula peratusan tenaga kerja lelaki telah menurun kepada 64.4 peratus berikutan peningkatan dalam tenaga kerja wanita menjadi 35.6 peratus. Dari tahun 1998 ke tahun 2002, terdapat peningkatan sebanyak 18 peratus dalam tenaga kerja wanita berbanding hanya 7 peratus peningkatan dalam tenaga kerja lelaki.

JADUAL 1. Bilangan tenaga kerja mengikut gender, Malaysia, 1998-2002 ('000)

Tahun	Jumlah (%)	Lelaki (%)	Perempuan (%)
1998	8,599.6 (100)	5,718.9 (66.5)	2,880.7 (33.5)
1999	8,837.8 (100)	5,851.2 (66.2)	2,986.6 (33.8)
2000	9,321.7 (100)	6,086.2 (65.3)	3,235.5 (34.7)
2001	9,535.0 (100)	6,212.0 (65.1)	3,323.0 (34.9)
2002	9,542.6 (100)	6,141.8 (64.4)	3,400.8 (35.6)

*Sumber:* Malaysia. Laporan Tenaga Kerja, Jabatan Perangkaan Malaysia, pelbagai tahun.

Peningkatan jumlah tenaga kerja wanita di Malaysia juga menggambarkan pertambahan yang semakin besar pembayar cukai wanita. Oleh itu, kajian bagi melihat perbezaan sikap terhadap cukai antara gender ini perlu bagi membolehkan strategi yang bersesuaian mengikut gender disediakan oleh badan pemungut cukai bagi mencapai matlamat pengumpulan hasil negara ke tahap yang diinginkan.

Kajian ini merupakan kajian awal untuk menguji sama ada terdapat perbezaan sikap antara lelaki dan wanita terhadap isu-isu pematuhan cukai. Secara khususnya, objektif kajian ini ialah untuk menguji adakah terdapat perbezaan sikap antara gender dalam perkara berikut:

1. Penilaian terhadap aktiviti pelarian cukai sendiri;
2. Penilaian terhadap aktiviti pelarian cukai orang lain;
3. Penilaian terhadap aktiviti jenayah bukan cukai; dan
4. Pemahaman terhadap keadilan sistem cukai secara keseluruhan.

## PENDEKATAN KAJIAN

### METODOLOGI

Kajian ini menggunakan kaedah survei dengan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen utama bagi mengutip data. Borang soal selidik ini diadaptasikan dari Eriksen dan Fallan (1996), yang didapati berkesan untuk melihat sikap individu terhadap isu-isu pencukaaian. Menurut Larkins et al. (1994), soalan-soalan yang dikemukakan dalam kajian berkenaan cukai pada kebiasaannya agak sensitif menyebabkan sesetengah responden sama ada tidak menjawab dengan jujur, memilih untuk tidak menjawab soalan-soalan yang sensitif ataupun bertindak untuk tidak mengambil bahagian dalam kajian tersebut. Oleh itu, bagi mengurangi kegagalan untuk mendapatkan jawapan yang jujur, responden dibenarkan menjawab soalan tanpa memberikan pengenalan diri.

Bagi tujuan kajian ini, beberapa pembolehubah telah diubahsuaikan mengikut situasi dan undang-undang pencukaaian di Malaysia. Pengetahuan terhadap cukai diukur dengan menggunakan indeks yang terhasil daripada jawapan yang diberikan oleh responden berkenaan dengan pelepasan dan tanggungan cukai. Responden juga telah ditanya beberapa soalan yang dianggap mampu menilai sikap mereka terhadap cukai. Analisis kemudiannya dibuat ke atas skor sikap dan skor pengetahuan cukai bagi melihat perhubungannya.

### PENGUKURAN KONSTRAK

Terdapat lima kontrak yang diuji dalam kajian ini iaitu kontrak pengetahuan cukai dan empat kontrak yang mewakili empat dimensi sikap, iaitu sikap terhadap pelarian cukai sendiri, sikap terhadap pelarian cukai orang lain, sikap terhadap jenayah bukan cukai dan pemahaman terhadap keadilan sistem cukai.

Pengukuran ke atas pengetahuan cukai dibuat bagi memastikan tahap pengetahuan antara gender. Pengetahuan cukai diukur daripada 27 soalan berkenaan dengan perbelanjaan yang dibenarkan ataupun elaan cukai, dan pendapatan yang dikenakan cukai ataupun tanggungan cukai. Bagi setiap jawapan yang betul, responden diberikan skor 3, skor 1 bagi jawapan yang salah dan skor 2 jika responden menjawab 'tidak tahu'. Skor maksimum yang boleh diperolehi ialah 81 dan skor minimum ialah 27 di mana skor 41 mewakili min skor pengetahuan.

Sikap terhadap pelarian cukai boleh diuji dari pelbagai dimensi. Oleh itu, menguji hanya satu dimensi tidak akan memberikan hasil yang menyeluruh ataupun hampir menyeluruh. Menggunakan pendekatan Lewis (1982) dan Fallan (1999), kajian ini cuba menguji sikap dari empat dimensi seperti yang disebutkan di atas. Beberapa soalan telah dibentuk bagi setiap dimensi, dan responden dikehendaki memberikan pandangan mereka berasaskan skil Likert yang diberikan.

Dimensi yang pertama iaitu *sikap terhadap pelarian cukai sendiri* mengandungi beberapa soalan yang bertujuan menggambarkan betapa seriusnya

anggapan responden terhadap aktiviti-aktiviti cukai sendiri yang melanggar undang-undang. Di antara soalan yang dikemukakan ialah tidak melaporkan pendapatan tambahan, menuntut perbelanjaan yang tidak pernah berlaku dan tidak perlu membayar cukai kerana telah melaporkan jumlah pendapatan jauh lebih rendah dari sepatutnya. Jika responden menganggap bahawa perlakuan cukainya yang di luar kawalan undang-undang sebagai satu jenayah yang serius, bermakna beliau mempunyai sikap yang positif terhadap cukai dan berkemungkinan besar beliau bukanlah pengelak cukai.

Dimensi yang kedua, iaitu *sikap terhadap pelarian cukai orang lain* pula cuba mencerminkan betapa seriusnya responden menghakimi aktiviti-aktiviti pelarian cukai yang dilakukan oleh orang lain. Responden dikehendaki menyatakan tahap kebenaran beberapa pernyataan. Antara pernyataan yang dikemukakan ialah tidak boleh mengkritik orang lain yang tidak membayar cukai, tidak boleh mengkritik orang lain yang mengisytiharkan pendapatannya (untuk tujuan pembayaran cukai) yang jauh lebih rendah dan kesediaan membela orang yang tidak membayar cukai kerana merasakan sistem percukaian yang ada tidak adil.

Kedua-dua dimensi sikap yang dinyatakan di atas sebenarnya cuba menggambarkan norma sosial berkenaan aktiviti pelarian cukai. Menurut Alm et al. (1999), norma sosial mewakili satu pola perlakuan yang diadili dalam cara yang sama oleh orang lain dan seterusnya menjadi sebahagian daripada cara hidup melalui penerimaan ataupun penolakan oleh kumpulan sosial tersebut. Seseorang individu akan bersikap mematuhi undang-undang cukai selagi beliau percaya bahawa pematuhan merupakan satu norma sosial seterusnya menganggap perlakuan ketidakpatuhan sebagai satu jenayah.

Dimensi yang ketiga, iaitu *sikap terhadap jenayah-jenayah bukan cukai* terdiri daripada jenayah-jenayah tradisi seperti mencuri, merompak dan pecah amanah. Konstrak ini dimasukkan untuk menguji sikap responden terhadap perlakuan ketidakpatuhan yang berbentuk bukan cukai, yang juga mencerminkan pemikiran mereka terhadap aktiviti jenayah. Sementara itu, dimensi yang terakhir *pemahaman terhadap keadilan sistem cukai* pula cuba menilai tanggapan responden berkenaan keadilan sistem percukaian Malaysia secara menyeluruh.

Jadual 2 menunjukkan nilai Cronbach's  $\alpha$  bagi semua konstrak yang digunakan dalam kajian ini. Hampir semua konstrak yang diuji menunjukkan kadar kesahan yang boleh diterima pakai, iaitu melebihi 0.5 (Nunnally 1978) kecuali konstrak '*sikap terhadap keadilan sistem cukai*' yang menghasilkan nilai Cronbach's  $\alpha$  yang rendah (0.2624). Oleh itu, konstrak ini tidak akan digunakan bagi menguji sikap responden dalam kajian ini.

#### RESPONDEN DAN RASIONAL PEMILIHAN SAMPEL

Responden yang dipilih adalah sekumpulan individu yang bakal memasuki pasaran kerja apabila mereka tamat belajar. Mereka juga merupakan satu kumpulan

JADUAL 2. Pengukuran reliabiliti

Konstrak	Jumlah soalan	Cronbach's $\alpha$
Pengetahuan		
Pengetahuan asas	11	0.8066
Pengetahuan lanjutan	16	0.9141
Sikap terhadap:		
Pelarian cukai sendiri	4	0.6808
Pelarian cukai orang lain	4	0.5769
Jenayah-jenayah lain	3	0.8617
Keadilan sistem cukai	4	0.2624

intelek dan mampu berfikir rasional dalam memilih masa depan dan kerjaya mereka sendiri. Walaupun mereka bukan merupakan pembayar cukai yang mempunyai rekod cukai mereka sendiri di LHDN, tetapi mereka sudahpun terdedah kepada beberapa bentuk cukai seperti cukai jualan, cukai perkhidmatan, duti import, dan duti setem. Secara tidak langsung mereka telahpun terdedah kepada aktiviti pencukaian di negara ini.

Responden terdiri daripada pelajar-pelajar tahun 2, Sesi 2001/2002 Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Pelajar-pelajar ini telah menduduki kursus asas yang sama dalam subjek ekonomi dan perakaunan. Dengan demikian mereka mampu menjangka kesan ekonomi hasil dari pelaksanaan cukai. Atas sebab-sebab ini, responden di dalam kajian ini tidak dipilih secara rawak. Kajian oleh Fallen (1999) juga telah menggunakan kaedah persampelan yang sama.

Terdapat sejumlah 145 orang responden yang telah melengkapkan borang soal selidik (Jadual 3). Daripada 145 responden tersebut, 120 (82.8 peratus) merupakan responden perempuan sementara 25 orang (17.2 peratus) adalah responden lelaki. Keadaan ini mencerminkan komposisi gender dalam kursus berkenaan. Ia juga merupakan kesan daripada perbezaan nisbah yang nyata dari kemasukan pelajar di institusi pengajian tinggi di Malaysia, termasuklah di Universiti Kebangsaan Malaysia, Misalnya, kemasukan pelajar bagi sesi pengajian 1996/1997 di Fakulti Pengurusan Perniagaan, UKM menunjukkan nisbah 39:61 bagi lelaki dan perempuan (Robiah Sidin 2000). Nisbah pelajar perempuan yang lebih tinggi juga menggambarkan pasaran tenaga kerja wanita yang bakal membanjiri pasaran pekerjaan di masa hadapan.

Dari segi etnik pula, dua etnik utama di Malaysia mempunyai bilangan yang hampir sama, iaitu Melayu sebanyak 68 (46.9 peratus) dan Cina 69 (47.6 peratus). Sebanyak 143 orang atau 98.6 peratus responden berumur antara 20 sehingga 22 tahun dan lebih dari 97 peratus daripada mereka merupakan bukan pembayar cukai.

JADUAL 3. Latar belakang responden

Kategori		Jumlah	Peratus (%)
Gender	Lelaki	25	17.2
	Perempuan	120	82.8
Keturunan	Melayu	68	46.9
	China	69	47.6
	India	6	4.1
	Lain-lain	2	1.4
Umur	20 tahun	53	37.1
	21 tahun	43	30.1
	22 tahun	45	31.4
	23 tahun	2	1.4
Pembayar cukai	Ya	4	2.7
	Tidak	141	97.3
Jumlah		145	100.0

## HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### TAHAP PENGETAHUAN CUKAI

Merujuk kepada Jadual 4, kajian mendapati adanya perbezaan tingkat pengetahuan cukai bagi kedua-dua gender melebihi dari skor purata. Pengetahuan cukai ini telah dikutip dari aktiviti harian ataupun pengalaman memandangkan responden belum lagi didedahkan dengan kursus percukaian yang formal. Perbezaan skor pengetahuan di antara pelajar lelaki (min = 59.24) dan pelajar perempuan (min = 61.45) mencerminkan pelajar perempuan mempunyai pengetahuan yang lebih sedikit dari pelajar lelaki. Namun begitu, perbezaan ini didapati tidak signifikan ( $t = -1.62$ ,  $P = 0.116$ ).

Kajian oleh Fallan (1999) mendapati tahap pengetahuan cukai yang berbeza mencerminkan sikap yang berbeza. Memandangkan kajian ini mendapati perbezaan pengetahuan tidak signifikan, maka bolehlah dianggap bahawa pengetahuan responden juga tidak signifikan dalam mempengaruhi sikap mereka terhadap cukai. Keputusan ini telah dijangkakan memandangkan kesemua

JADUAL 4. Skor pengetahuan cukai antara lelaki dan perempuan

Gender	Min	SP	n	Perbezaan	
				t	p
Lelaki	59.24	6.29	25	-1.62	0.116
Perempuan	61.45	5.92	120		



responden mempunyai latar belakang akademik yang sama di samping berada dalam kumpulan umur yang hampir sama.

#### SIKAP TERHADAP CUKAI

Hasil kajian mendapati secara puratanya responden menganggap ketiga-tiga kontrak yang dikaji merupakan jenis-jenis jenayah yang serius. Skor bagi kontrak *sikap terhadap jenayah-jenayah bukan cukai* ataupun jenayah tradisi menunjukkan responden menganggap aktiviti tersebut adalah jenayah yang serius walaupun skornya tidak tinggi (min lelaki = 8.44 dan min perempuan = 8.49) berbanding skor maksimum 12. Sikap responden terhadap aktiviti jenayah tradisi menunjukkan pendirian responden yang boleh dianggap normal dalam menilai jenayah tradisi.

Bagi kontrak *pelarian cukai sendiri* dan *pelarian cukai orang lain* yang skor maksimumnya ialah 24 menunjukkan kedua-dua gender menganggap aktiviti pelarian cukai yang dilakukan oleh orang lain (min lelaki = 17.68 dan min perempuan = 18.85) adalah lebih serius daripada aktiviti pelarian cukai diri sendiri (min lelaki = 16.12 dan min perempuan = 15.98). Walaupun tidak signifikan, pelajar perempuan didapati mempunyai sikap yang lebih tegas (min = 18.85) terhadap aktiviti pelarian cukai orang lain berbanding pelajar lelaki (min = 17.68). Ini mungkin menggambarkan sikap pelajar wanita yang lebih kritis terhadap perilaku negatif individu lain berbanding dengan perilaku diri sendiri. Namun begitu, hasil kajian juga menunjukkan keadaan sebaliknya, iaitu pelajar lelaki pula didapati lebih tegas terhadap sikap melarikan cukai sendiri (min = 16.12) berbanding pelajar perempuan (min = 15.98). Sikap pelajar lelaki ini menggambarkan tahap kesedaran diri yang lebih tinggi berbanding pelajar perempuan.

Secara keseluruhannya, sikap pelajar wanita dan pelajar lelaki terhadap isu cukai yang dikaji dalam kajian ini tidak memperlihatkan perbezaan yang signifikan (Jadual 5), walaupun kebanyakan kajian lain mendapati adanya

JADUAL 5. Skor sikap antara lelaki dan perempuan

Sikap terhadap	Min	SP	n	Perbezaan	
				t	p
<b>Pelarian cukai sendiri</b>					
Lelaki	16.12	2.47	25	0.245	0.808
Perempuan	15.98	2.81	120		
<b>Pelarian cukai orang lain</b>					
Lelaki	17.68	3.61	25	-1.46	0.153
Perempuan	18.85	3.76	119		
<b>Jenayah-jenayah lain</b>					
Lelaki	8.44	1.66	25	-0.132	0.896
Perempuan	8.49	1.51	119		

perbezaan sikap di antara kedua-duanya (Fallan 1999; Jackson & Milliron 1989).

Latar belakang responden yang beraliran perniagaan mungkin juga menyumbang kepada hasil kajian yang sebegini. Kajian oleh Pfeifer dan Shapiro (1982) ke atas pelajar pengurusan perniagaan mendapati tiada perbezaan personaliti yang signifikan antara pelajar lelaki dan wanita. Seterusnya, Fraser et al. (1978) juga mendapati pelajar perempuan dalam bidang perakaunan mempunyai persamaan ciri dengan pelajar lelaki dalam bidang yang sama berbanding dengan ciri yang dimiliki oleh pelajar perempuan dalam bidang bukan perakaunan. Kesamaan ciri-ciri ini mungkin telah menyumbang kepada persamaan sikap yang ditunjukkan oleh hasil kajian ini.

Antara justifikasi lain yang boleh dibuat ialah terdapat kemungkinan bahawa apabila wanita merupakan sebahagian besar daripada anggota sesuatu komuniti, mereka menjadi lebih berkeyakinan diri menyebabkan sikap yang biasanya digambarkan berkenaan diri mereka seperti pasif sudah diambil alih oleh sikap yang biasanya dimiliki oleh kaum lelaki. Pengalaman pengkaji memperlihatkan sikap pelajar wanita yang biasanya pasif serta pemalu bertukar menjadi sebaliknya jika sebahagian besar pelajar di dalam sesebuah kelas itu adalah terdiri dari kaum yang segender, iaitu wanita. Dalam kajian ini ada kemungkinan pandangan ini benar memandangkan peratusan pelajar wanita yang jauh lebih tinggi (82.7 peratus) berbanding dengan pelajar lelaki (17.3 peratus). Hasil kajian Marvin dan Bryans (1999) juga mendapati wanita mudah dipengaruhi oleh suasana persekitarannya. Contohnya, jika mereka berada di dalam sekumpulan yang didominasi oleh lelaki, maka tindakan mereka juga cenderung menyerupai lelaki.

## KESIMPULAN

Hasil kajian yang menunjukkan tiada perbezaan sikap yang signifikan di antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan terhadap isu-isu cukai yang dikemukakan mencadangkan terdapat persamaan sikap di antara kedua-dua gender berkenaan isu tersebut. Memandangkan sikap individu terhadap cukai mencerminkan pematuhan cukai individu tersebut, dapat dirumuskan di sini bahawa tiada perbezaan dalam aspek pematuhan cukai antara gender bagi responden dalam kajian ini.

Namun begitu, kajian lanjut perlu dibuat bagi meneliti isu sikap terhadap cukai terutamanya di kalangan pembayar cukai sebenar, di samping mengkaji apakah langkah-langkah yang perlu diambil bagi menanam sikap yang positif terhadap cukai. Rumusan kajian oleh Lewis (1982) menjangkakan peningkatan dalam aktiviti pelarian cukai akan berlaku jika sikap atau persepsi terhadap cukai menjadi semakin negatif. Oleh itu, antara tindakan awal yang mungkin perlu diambil oleh pihak berkuasa bagi mengatasi masalah pelarian cukai ialah

meningkatkan pendedahan dan pemahaman terhadap polisi fiskal agar pembayar cukai, tanpa mengira perbezaan gender, berfikiran positif terhadap sistem percukaian negara.

## RUJUKAN

- Alm, J., McClelland, G. H. & Schulze, W. D. 1999. Changing the Social Norm of Tax Compliance by Voting. *Kyklos* 52(2): 141-169.
- Eriksen, K. & Fallan, L. 1996. Tax Knowledge and Attitudes Towards Taxation: A Report On a Quasi-Experiment. *Journal of Economic Psychology* 17: 387-402.
- Fallan, L. 1999. Gender, Exposure to Tax Knowledge, and Attitudes Towards Taxation: An Experimental Approach. *Journal of Business Ethics* 18: 173-184.
- Fraser, A. M., Lytle, R. & Stolle, C. 1978. Profile of Female Accounting Majors: Academic Performance and Behavioral Characteristics. *The Women CPA*. Oktober: 18-21.
- Glover, S. H., Bumpus, M. A., Sharp, G. F. & Munchus, G. A. 2002. Gender Differences in Ethical Decision Making. *Women in Management Review* 17(5): 217-27.
- Jackson, B. R. & Milliron, V. C. 1986. Tax Compliance Research: Findings, Problems, and Prospects. *Journal of Accounting Literature* 5: 125-165.
- Malaysia. 1998-2002. *Laporan Tenaga Kerja*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Larkins, E. R., Hume, E. C. & Garcha, B. S. 1994. The Validity of the Randomized Response Method in Tax Ethics Research. *Journal of Applied Business Research* 13(3): 25-32.
- Lewis, A. 1982. *The Psychology of Taxation*. Martin Robertson. Oxford.
- Marvin, S. & Bryans, P. 1999. Gender on the agenda in management education? *Women in Management Review* 14(3): 99-104.
- Mustafa. 1998. Self-Assessment System: Some Lessons for the Malaysian Individual Taxpayers. *The Malaysian Accountant*. 2-7.
- Norsiah Ahmad. 2002. Effect of Tax Knowledge on Attitudes Towards Taxation. *Collected Papers of AAAA2002 in Nagoya*. Graduate School of Economic. Nagoya University. Japan. 221-30.
- Nunnally, J. C. 1978. *Psychometric Theory*. Ed. ke-2. New York: McGraw-Hill.
- Pfeifer, P. & Shapiro, S. J. 1982. Male and Female MBA Candidates: Are There Personality Differences? *The Business Quarterly*, Spring: 77-80.
- Robiah Sidin. 2000. *Pembangunan Pendidikan dan Wanita: Cabaran Perancangan*. Siri Syarahan Perdana Universiti Kebangsaan Malaysia. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Norsiah Ahmad  
 Pusat Pengajian Perakaunan  
 Fakulti Ekonomi dan Perniagaan  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi  
 Selangor Darul Ehsan  
 e-mail: norsiah@nkrisc.cc.ukm.my